

# PES MULUT TRIAMCINOLONE



## MENGENAI ubat anda

Triamcinolone merupakan ubat dalam kelas yang dikenali sebagai kortikosteroid. Ubat ini digunakan untuk rawatan inflammasi mulut yang bukan disebabkan oleh jangkitan seperti ulseratif stomatitis dan inflammasi gusi.

## BAGAIMANA cara untuk saya menggunakan ubat ini?

Doktor atau doktor gigi anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu gunakan berdasarkan pada tahap kesakitan anda. Gunakan ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Ubat ini paling baik digunakannya sebelum tidur supaya ubat boleh bertindak sepanjang malam. Jika anda menggunakan ubat pada waktu siang, gunakannya selepas makan. Tekan keluar kira-kira  $\frac{1}{4}$  inci pes daripada tiub ke atas pengelap kapas. Tekan pes ke kawasan yang perlu dirawat sehingga ubat melekat pada tempat itu serta satu lapisan nipis terbentuk. Jangan menggosokkan ubat ke dalam. Ini akan menyebabkan pes menjadi pecah atau menjadi cerisan kecil.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa menyapu ubat anda, sapu dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk penyapuan yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau menggunakan ubat yang berlebihan demi menggantikan penyapuan yang terlupa.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan:

- Kegatalan yang teruk, perasaan terbakar atau kepedihan dalam mulut anda.
- Lelehan, nanah atau tanda-tanda lain jangkitan semasa anda menggunakan ubat.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika

- anda sedang mengambil ubat-ubatan lain, jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin
- simptom anda tidak bertambah baik selepas penggunaan ubat ini selama 7 hari.
- anda mempunyai jangkitan di dalam mulut atau tekak anda.
- anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika ada berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa dalam rawatan.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.

